

# Tidak pernah lupa pengorbanan guru

NGO sumbang kek tanda penghargaan sempena sambutan Hari Guru 2016

**MORIB** - Dalam kemeriahannya pelbagai pihak meraikan Hari Guru, Majlis Belia Daerah (MBD) Kuala Langat dan Majlis Permuafakatan Parlimen Kuala Langat tidak terkecuali menyumbangkan kek kepada sekolah-sekolah dalam daerah ini.

Pengerusi MBD Kuala Langat, Hafez Shuriddin berkata, kek berkenaan disumbang Pengerusi Majlis Permuafakatan Kuala Langat, Datuk Abdul Fatah Iskandar sebagai penghargaan kepada warga pendidik di daerah itu.

Beliau berkata, sebanyak 30 kek coklat bertulisan 'Selamat Hari Guru: Guru Pembina Negara Bangsa' diserahkan kepada 15 sekolah menengah bagi meraikan hari yang cukup bermakna kepada golongan pendidik itu.

"Kita buat kejutan melalui penyerahan kek ini kepada pengetua di setiap sekolah di daerah ini sebagai menghargai usaha mendidik anak bangsa.

"Kerjaya guru adalah mulia kerana sentuhan daripada mereka berjaya melahirkan ramai tokoh cemerlang di negara

ini," katanya.

Hafez yang juga Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor berkata demikian selepas menyerahkan dua kek kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Banting, semalam.

Beliau berkata, sambutan Hari Guru sewajarnya disambut meriah semua guru dan murid sebagai manifestasi menghargai jasa guru dalam usaha mendidik anak bangsanya.

"Sehubungan itu, guru perlu diberi penghormatan dan pengiktirafan bukan sahaja daripada ibu bapa dan pelajar, tetapi oleh pentadbir sekolah serta kerajaan," katanya yang juga Setiausaha Majlis Permuafakatan Kuala Langat.

Hafez berkata, sentuhan seorang guru sangat penting kerana akan memberi impak secara mendalam sekiranya memainkan peranan sebagai pengajar dengan berkesan.

Sehubungan itu, beliau juga menasihatkan guru supaya tidak berputus asa mendidik pelajar sekali pun ada ketikanya dikritik hebat apabila membabitkan sesetengah isu.



Hafez (empat, kanan) ketika menyerahkan kek kepada SMK Banting, semalam.

# Warga Kuala Langat dapat guna bas percuma



Mohd Azhar (kiri, dua depan) turut merasai sendiri perkhidmatan bas Smart Selangor bagi kegunaan rakyat di Kuala Langat.

**BANTING** - Penduduk di Kuala Langat kini boleh menikmati perkhidmatan bas secara percuma yang disediakan Kerajaan Negeri Selangor bermula semalam.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, perkhidmatan bas secara percuma Smart Selangor yang dikendalikan Rapid Bus Sdn Bhd telah selamat memulakan operasinya di daerah ini bermula jam 6 pagi di Bazar Banting.

Beliau yang turut merasai

menggunakan perkhidmatan bas tersebut ketika sesi percubaan baru-baru ini turut mengulas tentang keselesaan bas tersebut selain beberapa kemudahan seperti perkhidmatan Wifi percuma, reka bentuk bas mesra OKU dan bebas halangan, tempat duduk berkusyen, sistem maklumat penumpang selain keluasan bas yang boleh memuatkan kapasiti sehingga 69 penumpang.

Katanya, beliau mengingatkan penumpang supaya

dapat membuat perancangan awal bagi setiap perjalanan memandangkan kekerapan perjalanan bas ini adalah sekitar 90 minit bagi setiap perjalanan yang bermula seawal jam 6 pagi dan berakhir pada jam 10 malam.

Sebelum ini, dalam mesyuarat penuh MDKL Mac lalu, Mohd Azhar menjangkakan perkhidmatan ini akan dapat dilaksanakan paling awal pada Mei walaupun perancangan asal untuk pelancarannya adalah pada Julai.

# Kolej Komuniti Kuala Langat dinobat juara keseluruhan Ice'8

**JUGRA** - Kolej Komuniti Kuala Langat meneruskan kecemerlangannya dalam pembudayaan inovasi dan penyelidikan apabila meraih juara keseluruhan dalam Pertandingan Inovasi Kreativiti Institusi Pengajian Daerah Kuala Langat (Ice'8) anjuran Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat Selangor (ILPKLS) baru-baru ini.

Pertandingan Inovasi dan Kreativiti Institusi Pengajian Daerah Kuala Langat yang telah berlangsung itu melibatkan penyertaan daripada beberapa institusi pengajian sekitar Kuala Langat, antaranya Kolej Komuniti Kuala Langat, Kolej Matrikulasi Selangor, Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad, Politeknik Banting, Kolej MCS, IKBN Kuala Langat, Majlis

Daerah Kuala Langat dan ILP Kuala Langat sendiri.

Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat, Zainah Rujihan berkata, program ini di anjurkan dengan tema Better Environment, Better Tomorrow ini adalah bertujuan untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif kalangan komuniti serta mempromosikan kepakaran komuniti sekitar daerah Kuala Langat kepada masyarakat setempat.

"Kolej ini telah menghantar sebanyak enam penyertaan Inovasi yang mempunyai pelbagai kategori.

"Saya cukup bangga dengan semua peserta dari kolej ini yang berjaya memenangi hadiah dalam Ice'8," katanya.



Pengarah KKKL bergambar dengan piala kemenangan bersama pensyarah dan pelajar yang memenangi Ice'8.